Bayaran Ambulans Pembayaran balik yuran ambulans yang ditanggung bagi setiap kemalangan.	500	500	500	500	500
Elaun Pemulihan Pembayaran balik perbelanjaan bagi pengubahsuaian rumah atau kenderaan motor dan sebarang bantuan perubatan lain sekiranya anda terus bergantung kepada kerusi roda untuk tempoh tidak kurang daripada 6 bulan.	3,000	4,000	4,000	5,000	5,000

Manfaat-manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
Pembelian Peralatan Ortopedik / Anggota Palsu Pembayaran balik bagi pembelian peralatan ortopedik, kerusi roda, tongkat, lengan atau kaki palsu seperti yang disyorkan oleh pakar perubatan / bedah yang merawat.	1,000	1,000	1,000	1,000	1,000
Perbelanjaan Pemulihan / Fisioterapi Pembayaran balik sehingga RM200 bagi setiap perundingan tertakluk kepada jumlah perlindungan pelan yang dipohon, dengan syarat anda memerlukan rawatan tersebut bagi memulihkan apa-apa keupayaan untuk menjalankan aktiviti harian asas seperti yang disahkan oleh doktor.	3,000	3,000	3,000	5,000	8,000
Pembaikan Pergigian dan/atau Penbedahan Kosmetik Pembayaran balik perbelanjaan yang dilakukan untuk pembaikan pergigian dan/atau kosmetik untuk leher, kepala dan dada berikutan kecederaan yang dialami akibat kemalangan.	4,000	4,500	5,000	5,500	6,000
Manfaat Kebakaran Parah Bayaran sekaligus untuk kebakaran parah akibat kemalangan, seperti yang disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar.	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
Perbelanjaan Kaunseling Trauma / Psikoterapi Pembayaran balik untuk perkhidmatan kaunseling psikologi sekiranya anda disahkan mengalami gangguan tekanan selepas trauma akibat langsung daripada menjadi mangsa kecederaan serius pada badan, rompakkan bersenjata, kebakaran, letupan, rampasan atau tindakan keganasan.	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
Perisai Ibu bapa Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, kami akan membayar 5% daripada Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan untuk setiap ibu bapa yang masih hidup sehingga maksimum 2 orang ibu bapa untuk setiap Orang Yang Diinsuranskan.	10,000 kepada setiap ibu bapa yang masih hidup	15,000 kepada setiap ibu bapa yang masih hidup	25,000 kepada setiap ibu bapa yang masih hidup	37,500 kepada setiap ibu bapa yang masih hidup	50,000 kepada setiap ibu bapa yang masih hidup

Manfaat-manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)
Elaun Perkabungan Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, kami akan membayar sekaligus kepada Wakil Sah Orang Yang Diinsuranskan.	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
Elaun Perkabungan untuk Kematian akibat Demam Denggi, Malaria, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun Jika berlaku kematian yang disebabkan oleh Demam Denggi, Malaria, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun, kami akan membayar 10% daripada Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan.	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Ragut / Rompakan Bayaran sekaligus sehingga 2 kejadian bagi setiap Tempoh Insurans, dengan syarat laporan polis dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas kejadian.	500	500	500	500	500
Kematian atau Hilang Upaya akibat Ragut / Rompakan 10% daripada Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan kepada Wakil Sah Orang Yang Diinsuranskan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal akibat Ragut dan/atau rompakan.	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000
Perbelanjaan Mencari dan Menyelamat Pembayaran balik untuk operasi mencari dan menyelamat sekiranya hilang ketika terlibat dalam pendakian gunung dan kembara hutan.	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
Manfaat Penculikan <ul style="list-style-type: none"> • Pembayaran balik untuk perbelanjaan yang perlu ditanggung untuk mendapatkan kembali Orang Yang Diinsuranskan. • Ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsuranskan, ketika masih hidup. 	5,000	5,000	5,000	5,000	5,000
	25,000	25,000	25,000	25,000	25,000

Manfaat-manfaat	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)	
HIV akibat daripada Pemindahan Darah 10% daripada Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan apabila jangkitan disahkan daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) yang berlaku dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pemindahan darah yang diperlukan akibat kemalangan.	20,000	30,000	50,000	75,000	100,000	
Liabiliti Peribadi Pampasan yang perlu dibayar disebabkan oleh kecederaan badan akibat kemalangan atau kerosakan harta benda tanpa sengaja dan perbelanjaan litigasi, mana-mana di seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada.	100,000	100,000	100,000	100,000	100,000	
Keganasan dan Rampasan	Dilindungi					
MSIG Assist	Tersedia					
Bonus Pembaharuan	Tersedia					
Premium Tahunan (termasuk 6% CBP)	Kelas 1	305.28	428.24	667.80	987.92	1,194.62
	Kelas 2	460.04	657.20	1,034.56	1,176.60	1,350.44

Duti setem tambahan sebanyak RM10 dikenakan untuk setiap polisi.

KLASIFIKASI PEKERJAAN UNTUK ORANG YANG DIINSURANSKAN YANG UTAMA DAN PASANGAN

Kelas 1: Profesion dan pekerjaan yang melibatkan tugas-tugas bukan manual, pentadbiran atau tugas perkeranian di dalam pejabat sahaja atau tempat-tempat tidak berbahaya yang seumpamanya.

Kelas 2: Profesion dan pekerjaan yang melibatkan tugas-tugas bukan manual, di mana terdapat sedikit pendedahan kepada risiko dari persekitaran atau yang mana melibatkan banyak perjalanan, pekerjaan yang secara keseluruhannya melibatkan tugas penyeliaan tetapi mungkin merangkumi tugas manual sekali-sekala.

PEKERJAAN YANG DIKECUALIKAN

Pekerja kapal terbang atau anak kapal, pasukan sukan profesional, juruselam, pekerja yang mengendali / membuat bahan letupan, ahli bomba kecuai yang tidak terlibat secara langsung, tentera & penguatkuasa undang-undang, penghibur profesional, kelasi, penggali terowong atau pekerja bawah tanah, nelayan, juruterbang, joki, pekerja di pelantar minyak, pelumba, pelombong, pembalok atau pekerja yang terdedah kepada risiko membalak, pekerja estet kecuai pemilik, pemunggal, pencuri tingkap yang bekerja pada ketinggian melebihi 30 kaki (luar), penggali / pemandu jentera berat di estet pembalakan, penghibur sarkas / pelagak ngeri, pemungut hutang / bil, penarik balik kereta, penghantar cepat, pegawai perhubungan pelanggan (kelab malam / pusat hiburan), pengawal keselamatan bersenjata dan pengawal peribadi.

PENGECUALIAN AM

- ✘ Peperangan atau risiko yang seumpamanya.
- ✘ Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif.
- ✘ Bunuh diri, kecederaan akibat perlakuan diri sendiri, tindakan melanggar undang-undang atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada usaha menyelamatkan nyawa manusia).
- ✘ AIDS atau penyakit berkaitan AIDS.
- ✘ Hamil, bersalin, kecacatan fizikal atau penyakit mental atau keuzuran.
- ✘ Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang.
- ✘ Sebarang aktiviti kakitangan, perdagangan, teknikal atau kesukanan yang berkaitan dengan sesuatu kapal terbang.
- ✘ Kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) dadah, melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubahan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk merawat ketagihan dadah).
- ✘ Sukan-sukan profesional.
- ✘ Aktiviti berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada pendakian gunung yang memerlukan penggunaan tali dan alatan pendakian lain, aktiviti-aktiviti luar pesisir melebihi 5 km dari pantai dan termasuk berakit atau berkanu melibatkan jeram deras, terjun bungee, semua aktiviti udara, aktiviti dalam air yang melibatkan penggunaan udara atau gas termampat untuk kedalaman melebihi 18 m, sebarang bentuk seni mempertahankan diri, perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki atau berenang) atau percubaan kelajuan atau keutuhan.

Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk senarai penuh.

NOTA-NOTA PENTING



- Indemniti yang disediakan di bawah manfaat Liabiliti Peribadi tidak akan dikenakan berkenaan dengan penghakiman yang bukan diberikan atau didapatkan pertamanya daripada suatu Mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia tidak juga kepada perintah yang diperolehi daripada Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia melalui cara peruntukan bersaling atau yang sebaliknya.
- Insurans ini tidak akan berkuatkuasa kecuali premium yang mesti dibayar telah dibayar.
- Anda hanya layak untuk membeli perlindungan bagi satu Pelan Pilihan Insurans Kemalangan Diri Prime sahaja.
- Keterangan perlindungan ini hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Syarat dan peraturan yang tepat ada terkandung dalam Dokumen Polisi.
- Anda boleh meminta untuk melihat polisi insurans sebenar sebelum anda membeli insurans ini. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan MSIG untuk bantuan.
- Jika terdapat sebarang konflik mengenai kandungan di antara versi Bahasa Inggeris dengan terjemahannya dalam risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
- Mulai 1 April 2015, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dengan kadar 6% akan dikenakan ke atas premium anda. Sebagai seorang pengguna dan pemegang polisi, anda dikehendaki membayar CBP yang akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat dalam Polisi Insurans anda.

JAWAPAN BAGI SOALAN-SOALAN YANG KERAP DITANYA

1. Siapakah yang layak untuk memohon?

Semua warganegara Malaysia, Pemastautin Kekal, Pemegang Permit Kerja/Pas Pekerjaan, atau mereka yang bekerja secara sah di Malaysia dan berusia di antara 18 hingga 69 tahun pada tarikh pendaftaran pertama dan boleh membaharui sehingga umur 80 tahun.

2. Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan merujuk kepada?

Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan merujuk kepada jumlah yang diinsuranskan bagi Kematian & Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan semasa permulaan asal polisi seperti yang dinyatakan dalam jadual manfaat dan tidak termasuk sebarang bonus.

3. Apakah definisi atau kriteria Kebakaran Parah?

Kebakaran Parah ditakrifkan di sini sebagai kebakaran darjah ketiga atau lebih tinggi dengan kawasan terbakar yang sama dengan atau lebih besar daripada 10% jumlah kawasan permukaan badan Orang Yang Diinsuranskan. Kebakaran darjah ketiga bermaksud kemusnahan keseluruhan lapisan kulit (epidermis dan dermis) dengan kerosakan kepada tisu di bawahnya.

4. Adakah Kematian Akibat Kemalangan, Perisai Ibumapa dan Manfaat Elaun Perkabungan akan dibayar untuk kematian berpunca atau timbul daripada:

a. Tindakan keganasan atau rampasan?

Ya, manfaat-manfaat ini akan dibayar sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya akibat keganasan dan rampasan, tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

b. Demam Denggi, Malaria, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun (JE)?

Tidak dibayar di bawah manfaat-manfaat ini kerana kematian tersebut berpunca daripada suatu penyakit. Bagaimanapun, Elaun Perkabungan akan dibayar bagi Denggi, Malaria, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun (JE) iaitu 10% daripada Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan.

c. Ragut atau Rompakan?

Ya, kami akan bayar manfaat-manfaat tersebut untuk kematian yang disebabkan atau berpunca daripada ragut atau rompakan.

d. HIV akibat daripada Pemindahan Darah?

Tidak dibayar di bawah manfaat-manfaat ini kerana kematian berpunca daripada penyakit. Pembayaran sekaligus akan dibuat setelah disahkan jangkitan HIV berlaku dalam masa 2 tahun dari tarikh pemindahan darah yang diperlukan dari segi perubatan, berikutan kemalangan.

5. Bolehkah saya menukar pelan ketika di tengah-tengah tempoh insurans atau ketika pembaharuan?

Anda dibenarkan menaik taraf atau menurun taraf pelan anda ketika pembaharuan seterusnya. Setiap perubahan pelan akan menyebabkan Bonus Pembaharuan yang terkumpul dilupuskan dan dimulakan semula. Sila hubungi mana-mana cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk bantuan.

6. Jika saya mempunyai insurans kemalangan diri yang lain, adakah saya layak untuk mendapat manfaat yang sama di bawah polisi ini sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau hilang keupayaan kekal?

Ya, bayaran untuk polisi ini akan diberikan secara berasingan atas polisi anda yang lain, sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan atau hilang keupayaan kekal.

7. Apakah prosedur untuk membatalkan polisi saya? Bagaimana jika Syarikat mengambil keputusan untuk membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Sebarang pembayaran balik premium adalah berdasarkan kepada kadar jangka pendek dan tertakluk kepada premium minima sebanyak RM60.00 (tidak termasuk CBP) yang ditahan oleh syarikat dan sama ada sebarang tuntutan telah dibuat. Syarikat boleh membatalkan polisi ini atau sebarang Seksyen dengan memberi notis kepada anda selama tujuh (7) hari melalui surat berdaftar yang dihantar kepada alamat anda yang terakhir, dan pembayaran balik premium bergantung kepada berapa lama polisi ini berkuatkuasa dan sama ada sebarang tuntutan telah dibuat.

8. Bagaimanakah saya membuat tuntutan?

Sila beri notis bertulis kepada syarikat bersama dengan butir-butir penuh dalam masa tujuh (7) hari selepas menerima notis atau mengalami sebarang kemalangan, kerugian atau kerosakan. Anda boleh hubungi mana-mana cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk memperolehi borang tuntutan. Hantar borang tuntutan yang dilengkapi kepada syarikat bersama dokumen- dokumen berkenaan secepat mungkin.

9. Bagaimanakah saya membuat permohonan untuk polisi ini?

Hanya lengkapkan borang permohonan yang disertakan dan hantarkannya kepada kami atau penasihat insurans anda.

10. Bagaimanakah saya mengemukakan aduan kalau saya tidak berpuas hati dengan produk atau perkhidmatan?

Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan kami, atau anda tidak berpuas hati dengan tawaran atau keputusan syarikat ke atas tuntutan, anda boleh mendapatkan bantuan daripada Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami.

Kalau anda masih tidak berpuas hati dengan keputusannya, anda boleh menulis kepada Biro Perkhidmatan Pelanggan Bank Negara Malaysia atau Biro Pengantaraan Kewangan untuk mendapatkan bantuan secara percuma.

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Kemalangan Diri Prime. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Insurans Kemalangan Diri Prime MSIG adalah pelan perlindungan 24 jam di seluruh dunia yang akan membayar ganti rugi kepada anda bagi kecederaan, hilang upaya atau kematian disebabkan oleh kemalangan.

Produk ini disediakan kepada semua Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Permit Kerja/Pas Pekerjaan atau yang bekerja secara sah di Malaysia berumur di antara 18 hingga 69 tahun yang berkuatkuasa dari tarikh mereka berdaftar dan boleh memperbaharui insurans sehingga umur maksimum 80 tahun.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini mengandungi 5 Pelan. Sebagai ilustrasi, kami lampirkan di bawah Pelan 1:

Manfaat-manfaat	Pelan 1 (RM)
Kematian akibat Kemalangan	200,000
Hilang Upaya Kekal	200,000
Perbelanjaan Perubatan, termasuk kos Rawatan Kiropraktor / Sinseh / Tradisional sehingga RM500 setiap kemalangan	8,000
Pendapatan Hospital Harian, setiap hari sehingga 365 hari	100
Elaun Penjagaan Keluarga Harian, setiap hari sehingga 14 hari	100
Manfaat Rekuperasi	1,000
Bayaran Ambulans	500
Elaun Pemulihan	3,000
Pembelian Peralatan Ortopedik / Anggota Palsu	1,000
Perbelanjaan Pemulihan / Fisioterapi	3,000
Pembaikan Pergigian dan/atau Pembedahan Kosmetik	4,000
Manfaat Terbakar Parah	5,000
Perbelanjaan Kaunseling Trauma / Psikoterapi	3,000
Perisai ibu bapa, kepada setiap ibu bapa yang masih hidup sehingga 2 ibu bapa	10,000
Elaun Perkabungan	5,000
Elaun Perkabungan untuk Kematian akibat Demam Denggi, Malaria, Chikungunya atau Ensefalitis Jepun	20,000
Ragut / Rompakan	500
Kematian atau Hilang Upaya akibat Ragut / Rompakan	20,000
Perbelanjaan Mencari dan Menyelamat	5,000
Manfaat Penculikan	
• Perbelanjaan yang diperlukan untuk menemui Orang Yang Diinsurankan	5,000
• Ganjaran untuk maklumat yang membawa kepada penemuan Orang Yang Diinsurankan ketika masih hidup	25,000
HIV akibat daripada Pemindahan Darah	20,000

Manfaat-manfaat	Pelan 1 (RM)
Liabiliti Peribadi	100,000
Keganasan dan Rampasan	Diliindungi
MSIG Assist - Perkhidmatan Bantuan Kecemasan 24-jam	Tersedia
Bonus Pembaharuan	Tersedia

Nota-nota:

- Peratusan daripada jumlah yang diinsuranskan akan dibayar mengikut pampasan yang dinyatakan dalam kontrak polisi jika Orang yang Diinsuranskan menderita akibat Hilang Upaya Kekal.
- Pampasan maksimum yang boleh dibayar di bawah polisi ini tidak melebihi 100% daripada jumlah yang diinsuranskan.
- Manfaat **Perbelanjaan Perubatan** diperluaskan untuk melindungi pembayaran balik untuk rawatan Demam Denggi, Malaria, Chikungunya dan Ensefalitis Jepun (JE). Rawatan Kiropraktor / Sinseh / Tradisional adalah terpakai untuk kecederaan badan akibat kemalangan dan bukan untuk rawatan Demam Denggi, Malaria, Chikungunya dan JE.
- **Perbelanjaan Pemulihan / Fisioterapi** - Pembayaran balik sehingga RM200 setiap perundingan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memerlukan rawatan tersebut untuk memulihkan apa-apa keupayaan untuk menjalankan aktiviti harian asas seperti yang disahkan oleh pengamal perubatan, berikutan kecederaan badan akibat kemalangan.
- **Manfaat Terbakar Parah** - Bayaran sekaligus sekiranya Orang Yang Diinsuranskan mengalami kemusnahan semua lapisan kulit dan kerosakan kepada tisu di bawahnya, dengan kawasan terbakar sama dengan atau lebih besar daripada 10% daripada jumlah kawasan permukaan badan, akibat kemalangan.
- **Perbelanjaan Kaunseling Trauma / Psikoterapi** - Pembayaran balik sekiranya Orang Yang Diinsuranskan didiagnosis dengan gangguan tekanan selepas trauma akibat langsung daripada menjadi mangsa kecederaan serius pada badan, rompak bersenjata, kebakaran, letupan, rampasan atau tindakan keganasan.
- **Ragut / Rompak** - Bayaran sekaligus kepada Orang Yang Diinsuranskan sehingga maksimum 2 kejadian dalam setiap Tempoh Insurans, dengan syarat laporan polis dilakukan dalam tempoh 24 jam selepas kejadian.
- **Perbelanjaan Mencari dan Menyelamat** - Pembayaran balik jika Orang Yang Diinsuranskan didapati hilang ketika mendaki gunung dan mengembara di hutan, kebenaran terdahulu mesti diperoleh sebelum sebarang perbelanjaan boleh ditanggung dan amaun tersebut akan dibayar secara langsung kepada syarikat yang dilantik untuk menjalankan operasi mencari dan menyelamat.
- **Liabiliti Peribadi** - Membayar ganti rugi untuk pampasan yang perlu dibayar disebabkan oleh kecederaan badan akibat kemalangan atau kerosakan harta benda dan perbelanjaan litigasi, mana-mana di seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat dan Kanada.
- **MSIG Assist** - Talian perkhidmatan bantuan kecemasan 24-jam di **603-7628 3980**.
- **Bonus Pembaharuan** - 10% daripada Jumlah Prinsipal Yang Diinsuranskan akan diberikan setiap tahun tanpa tuntutan untuk Kematian Akibat Kemalangan & Hilang Upaya Kekal, sehingga 50%. Sekiranya berlaku tuntutan, bonus terkumpul sebelum ini akan tetap sama

semasa pembaharuan, dan terus meningkat selepas tamat tahun polisi bebas tuntutan berikutnya. Jika berlaku apa-apa penukaran pelan ketika pembaharuan, semua Bonus Pembaharuan terkumpul akan dibatalkan. Bonus Pembaharuan akan bermula semula.

➤ **Klasifikasi Pekerjaan :-**

Kelas 1 - Profesion dan pekerjaan melibatkan tugas-tugas bukan manual, pentadbiran atau tugas perkeranian di dalam pejabat atau tempat-tempat tidak berbahaya seumpamanya.

Kelas 2 - Profesion dan pekerjaan yang melibatkan tugas-tugas bukan manual, dengan sedikit pendedahan kepada risiko dari persekitaran atau yang mana melibatkan banyak perjalanan, pekerjaan yang secara keseluruhannya melibatkan tugas-tugas penyeliaan, dan mungkin merangkumi tugas-tugas manual sekali-sekala.

➤ Sila rujuk kontrak polisi untuk maklumat lanjut berkenaan Jadual Manfaat Kemalangan Diri Prime.

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh bermulanya Polisi dengan membuat bayaran premium yang ditentukan oleh Syarikat pada hari pembaharuan.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda bayar tertakluk kepada pelan anda pilih dan ia mungkin berbeza berdasarkan kepada keperluan taja jamin kami.

Kelas Pekerjaan	Pelan	Premium Tahunan tidak termasuk CBP 6% (RM)	CBP 6% (RM)	Duti Setem (RM)	Jumlah Perlu Dibayar (RM)
Kelas 1	Pelan 1	288.00	17.28	10.00	315.28
	Pelan 2	404.00	24.24	10.00	438.24
	Pelan 3	630.00	37.80	10.00	677.80
	Pelan 4	932.00	55.92	10.00	997.92
	Pelan 5	1,127.00	67.62	10.00	1,204.62
Kelas 2	Pelan 1	434.00	26.04	10.00	470.04
	Pelan 2	620.00	37.20	10.00	667.20
	Pelan 3	976.00	58.56	10.00	1,044.56
	Pelan 4	1,110.00	66.60	10.00	1,186.60
	Pelan 5	1,274.00	76.44	10.00	1,360.44

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

<u>Jenis</u>	<u>Jumlah</u>
• Cukai Barangan dan Perkhidmatan	• 6% daripada premium
• Komisen yang dibayar kepada ejen insurans	• 25% daripada premium
• Duti Setem	• RM10.00

Mulai 1 April 2015, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) pada kadar 6% akan dikenakan ke atas premium insurans anda. Sebagai seorang pengguna dan pemegang polisi, anda dikehendaki membayar CBP yang akan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat dalam Polisi Insurans anda.

5. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Keentingan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma serta premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan hingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** - Insurans ini tidak akan berkuatkuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar.
- **Notis Tuntutan** - Anda perlu menyediakan notis bertulis kepada kami dengan maklumat lengkap dalam tempoh tujuh (7) hari sebaik menerima notis akibat kemalangan, kerugian atau kerosakan. Anda boleh menghubungi mana-mana Cawangan MSIG atau penasihat insurans anda untuk mendapatkan salinan borang tuntutan. Anda harus menyerahkan borang tuntutan yang lengkap kepada kami berserta segala dokumen yang berkaitan secepat yang mungkin.
- **Bidang kuasa dalam Malaysia** - Indemniti yang disediakan di bawah manfaat Liabiliti Peribadi tidak akan dikenakan berkenaan dengan penghakiman yang bukan diberikan atau didapatkan pertama-tama daripada suatu Mahkamah bidang kuasa kompeten di dalam Malaysia tidak juga kepada perintah yang diperolehi daripada Mahkamah tersebut bagi penguatkuasaan penghakiman yang dibuat di luar Malaysia melalui cara peruntukan bersaling atau yang sebaliknya.
- Perlindungan akan terhenti pada tarikh tamat tempoh dan kami bertegas tidak akan bertanggungjawab kecuali jika insurans telah diperbaharui.

Nota: Maklumat ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan disebabkan oleh kejadian berikut:

- Peperangan atau risiko yang seumpamanya.
- Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif.
- Bunuh diri, kecederaan akibat perlakuan diri sendiri, tindakan melanggar undang-undang atau pendedahan kepada bahaya dengan sengaja (selain daripada usaha menyelamatkan nyawa manusia).
- AIDS atau penyakit berkaitan AIDS.
- Hamil, bersalin, kecacatan fizikal atau penyakit mental atau keuzuran.
- Penerbangan kecuali sebagai penumpang dalam kapal terbang yang berlesen penuh untuk membawa penumpang.
- Sebarang aktiviti kakitangan, perdagangan, teknikal atau kesukanan yang berkaitan dengan kapal terbang.
- Kesan atau pengaruh (sementara atau sebaliknya) akibat dadah, melainkan dadah tersebut diambil mengikut preskripsi perubatan yang dibenarkan (tetapi bukan untuk merawat ketagihan dadah).
- Sukan-sukan profesional.
- Aktiviti Berbahaya termasuk tetapi tidak terhad kepada pendakian gunung yang memerlukan penggunaan tali dan alatan pendakian lain, aktiviti-aktiviti luar pesisir melebihi 5 km dari pantai dan termasuk berakit atau berkanu melibatkan jeram deras, terjun bungee, semua aktiviti udara, aktiviti dalam air yang melibatkan penggunaan udara atau gas termampat untuk kedalaman melebihi 18 m, sebarang bentuk seni mempertahankan diri, perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki atau berenang) atau percubaan kelajuan atau keutuhan.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Boleh saya batalkan polisi saya?

Anda boleh membuat pembatalan pada bila-bila masa dengan memberitahu kami secara bertulis. Sebarang pembayaran balik premium adalah pada asas Kadar Jangka Pendek dan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM60.00 (tidak termasuk CBP) yang dikekalkan oleh pihak syarikat. Tiada pembayaran balik dibuat sekiranya sebarang tuntutan telah dibuat dalam jangka masa polisi.

8. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam pengambilan kerja, pekerjaan, tugas atau kegiatan anda, atau sebarang perubahan yang boleh meningkatkan kemungkinan sesuatu tuntutan di bawah Polisi ini. Anda mungkin dikehendaki untuk membayar premium tambahan akibat daripada perubahan sedemikian.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila rujuk kepada buku kecil insurance-info 'Insurans Kemalangan Diri' yang boleh didapati di mana-mana cawangan MSIG atau anda boleh mendapat salinan daripada penasihat insurans atau lawati www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)

Pusat Khidmat Pelanggan:

Level 15, Menara Hap Seng 2

Plaza Hap Seng

No. 1, Jalan P. Ramlee

50250 Kuala Lumpur

Tel: (603) 2050 8228

Faks: (603) 2026 8086

Talian Khidmat Pelanggan: 1-800-88-MSIG (6744)

E-mel: myMSIG@my.msig-asia.com

10. Lain-lain jenis perlindungan Kemalangan Diri yang ada:

- Insurans Kemalangan Diri PremierGuard
- Insurans Kemalangan Diri Individu
- Insurans Kemalangan Diri Sukan
- Insurans Kemalangan Diri Warga emas

NOTA PENTING: ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMERHATIKAN SKALA MANFAAT-MANFAAT BAGI KEMATIAN ATAU HILANG UPAYA DALAM POLISI INSURANS ANDA. ANDA PERLU MENCALONKAN SEORANG PENAMA DAN MEMASTIKAN YANG PENAMA ANDA SEDAR POLISI KEMALANGAN DIRI YANG PERNAH ANDA BELI. ANDA PERLU BACA DAN FAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

Maklumat yang disediakan dalam Helaian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 9 Julai 2015.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)

Head Office: Customer Service Centre,
Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086
Customer Service Hotline 1-800-88-MSIG (6744)
Email myMSIG@my.msig-asia.com
Website www.msig.com.my

KUALA LUMPUR

Customer Service Centre,
Level 15, Menara Hap Seng 2,
Plaza Hap Seng,
No. 1, Jalan P. Ramlee,
50250 Kuala Lumpur
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086

ALOR SETAR

1st Floor, No. 169,
Susunan Sultan Abdul Hamid 11,
Kompleks Perniagaan Sultan Abdul
Hamid Fasa 2, 05050 Alor Setar, Kedah
Tel +604 772 2266, Fax +604 772 2255

BATU PAHAT

No. 31A & 32A, Jalan Kundang,
Taman Bukit Pasir,
83000 Batu Pahat, Johor
Tel +607 433 6808, Fax +607 433 7808

IPOH

Lots A-01-10, A-01-12, A-01-14 & A-01-16,
1st Floor, Wisma MFCB,
Greentown Business Centre, No. 1,
Persiaran Greentown 2, 30450 Ipoh, Perak
Tel +605 255 1319, Fax +605 253 7979

JOHOR BAHRU

Suite 12A & 12B, Level 12,
Menara Ansar, No. 65, Jalan Trus,
80000 Johor Bahru, Johor
Tel +607 208 7800, Fax +607 276 3800

KLANG

3rd Floor, No. 1, Lorong Tiara 1B,
Bandar Baru Klang, 41150 Klang, Selangor
Tel +603 3343 6691, Fax +603 3342 2571

KLUANG

1st Floor, No. 7, Bangunan HLA,
Jalan Yayasan, 86000 Kluang, Johor
Tel +607 772 6501/774 5701
Fax +607 774 5702

KOTA BHARU

3826, 1st Floor, Jalan Hamzah,
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel +609 748 1280, Fax +609 748 3509

KUANTAN

Nos. A-43, A-45 & A-47,
Lorong Tun Ismail 12, Sri Dagangan 2,
25000 Kuantan, Pahang
Tel +609 515 7501, Fax +609 515 7502

MELAKA

No. 42, Jalan KSB 1,
Taman Kota Syahbandar, 75200 Melaka
Tel +606 289 4333, Fax +606 289 4222

PENANG

Level 15, Hunza Tower,
No. 163E, Jalan Kelawei, 10250 Penang
Tel +604 219 0800, Fax +604 219 0999

PETALING JAYA

Units 9-3 & 11-3, Block A, Jaya One,
No. 72A, Jalan Universiti,
46200 Petaling Jaya, Selangor
Tel +603 7954 4208, Fax +603 7954 4202/3

SEREMBAN

No. 33, Ground Floor, Lorong Haruan 5/2,
Oakland Commerce Square,
70200 Seremban, Negeri Sembilan
Tel +606 601 3501, Fax +606 601 3503

SUNGAI PETANI

1st Floor, 9C, Jalan Kampung Baru,
08000 Sungai Petani, Kedah
Tel +604 424 4180, Fax +604 423 4513

KOTA KINABALU

4th Floor, Wisma Gek Poh,
Jalan Haji Saman,
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel +6088 233 030, Fax +6088 235 110

KUCHING

22 & 22A, Jalan Rubber,
Lots 344 & 345, Section 9,
93400 Kuching, Sarawak
Tel +6082 255 901/259 204
Fax +6082 427 612

MIRI

Lot 937, 1st Floor, Jalan Asmara,
98000 Miri, Sarawak
Tel +6085 434 890, Fax +6085 419 002

SANDAKAN

1st Floor, Block 18,
Lots 1 & 2, Bandar Indah, Mile 4,
North Road, 90000 Sandakan, Sabah
Tel +6089 217 388, Fax +6089 215 388

SIBU

1st Floor, No. 65, Jalan Kampong Nyabor,
96000 Sibu, Sarawak
Tel +6084 323 890/347 008
Fax +6084 314 558

TAWAU

1st Floor, Block 42, TB 330A,
Fajar Complex, 91000 Tawau, Sabah
Tel +6089 771 051, Fax +6089 764 079

For more information, please call MSIG
or contact your Insurance Adviser at:

 www.facebook.com/MSIGMalaysia



Insurance
that sees
the heart
in everything